



Sambutan 30 Tahun KPRJ Penuh Bersejarah Menerusi Penjenamaan Semula

Raikan Usia Tiga Dekad Dengan Identiti Korporat Baharu

ISKANDAR PUTERI [17 November 2025] – Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd (“KPRJ”) hari ini meraikan **Ulang Tahun Ke-30** yang bukan sahaja menampilkan identiti korporat baharu, malah turut membuka lembaran baharu dalam usaha memperkukuh pembangunan Johor serta pengaruhnya di seluruh negara.

Majlis berprestij ini disempurnakan oleh **Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor** bersama **Yang Amat Berhormat Dato’ Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor; Yang Berhormat Dato’ Haji Asman Shah Abd Rahman, Setiausaha Kerajaan Johor; serta Yang Berhormat Dato’ Lukman Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif KPRJ**. Kehadiran **Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor** dan para tetamu kehormat mencerminkan sokongan padu terhadap KPRJ sebagai pemacu pembangunan sosioekonomi negeri.

Sambutan dimulakan dengan **tayangan montaj khas** yang mengimbau perjalanan **KPRJ selama tiga dekad** merangkumi kemajuan, pembangunan dan sumbangan KPRJ kepada rakyat Johor. Perjalanan tiga dekad KPRJ turut diabadikan menerusi **pelancaran ‘Coffee Table Book’** yang mendokumentasikan sejarah penubuhan KPRJ sejak 1995 merangkumi pencapaian dan hala tuju KPRJ. Penerbitan eksklusif ini selari dengan tema ulang tahun, **“3 Dekad Membina Legasi, Mencorakkan Masa Hadapan”**, sekali gus menjadi rujukan bernilai tinggi untuk generasi akan datang dalam memahami sumbangan dan aspirasi KPRJ terhadap pembangunan negeri Johor.

Kemuncak acara memaparkan **montaj pelancaran logo baharu**, menerusi lakaran **DYAM Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor** memotret **logo baharu KPRJ**, simbolik bagi menandakan bermulanya era penjenamaan semula serta identiti korporat baharu KPRJ.

Pelancaran logo dan identiti baharu ini bukan sekadar transformasi visual, malah penegasan semula terhadap **matlamat dan arah tuju KPRJ**. Direka berasaskan **semangat kemajuan, perpaduan dan ketahanan**, identiti baharu ini mencerminkan kesediaan KPRJ memperkukuh kedudukannya di Johor serta memperluas kerjasama ke seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif KPRJ, YB Dato' Lukman Abu Bakar berkata, "Penjenamaan semula ini bukan sekadar perubahan logo. Ia menandakan transformasi menyeluruh, memperkenalkan penjenamaan yang lebih jelas dan menyatukan anak-anak syarikat serta pelaburan di bawah satu identiti yang kukuh."

Sejak **ditubuhkan pada 1995**, KPRJ dipertanggungjawabkan dengan pelbagai projek **pembangunan** yang **membentuk landskap ekonomi dan sosial Johor**. Dari infrastruktur strategik hingga pembangunan hartanah dan pelaburan, KPRJ terus memperluas portfolionya ke sektor-sektor berimpak tinggi. Terbaharu, **KPRJ turut meneroka sektor alam sekitar selari aspirasi kelestarian dan agenda hijau global**. Komitmen selama 30 tahun ini memastikan setiap usaha KPRJ membawa nilai jangka panjang kepada rakyat Johor.

Sambutan Ulang Tahun ke-30 ini **bukan sekadar menyingkap pencapaian lalu, sebaliknya deklarasi keyakinan terhadap masa hadapan** yang dipacu inovasi, kelestarian dan komitmen tidak berbelah bahagi kepada Johor.

-TAMAT-

Mengenai Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ)

Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ), yang ditubuhkan pada 8 November 1995, ialah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Johor. Sejak itu, KPRJ telah berkembang menjadi antara pemacu utama pembangunan negeri dengan penglibatan dalam pelbagai projek merangkumi pembinaan & kejuruteraan, pengurusan aset dan hartanah, perkhidmatan digital, pelaburan serta alam sekitar.

KPRJ turut memainkan peranan penting dalam beberapa projek strategik negeri. KPRJ merupakan sebahagian daripada agenda Iskandar Malaysia melalui pegangan dalam Iskandar Investment Berhad (IIB), selain memiliki kepentingan dalam syarikat seperti Infra Desa (Johor) Sdn. Bhd., Iskandar Waterfront Holdings Sdn. Bhd. dan Southkey City Sdn. Bhd. Dengan kedudukan kewangan yang kukuh, kepimpinan berpengalaman serta pasukan yang komited, KPRJ terus menyumbang nilai berpanjangan untuk manfaat negeri dan rakyat Johor.

KPRJ beraspirasi menjadi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Johor yang terunggul, bukan sahaja dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa. Fokus utamanya adalah untuk kekal relevan, kukuh dari segi kewangan, menjana pulangan mampan serta membina budaya berasaskan integriti, inovasi, kerja berpasukan, kepimpinan dan keusahawanan. Dipandu oleh nilai-nilai ini, KPRJ terus memainkan peranan penting dalam mencorakkan masa depan Johor.

Dikeluarkan oleh **ShekhinahPR** bagi pihak **Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ)**.

Sebarang pertanyaan, diminta hubungi:

Christopher Raj ShekhinahPR / 012-216 1881 chris@shekhinah.my	Wan Noriza ShekhinahPR / 012-353 8100 wannoriza@shekhinah.my
Zulkarnain ShekhinahPR / 011-1182 6523 zulkarnain@shekhinah.my	